

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 JULAI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3

Harga jualan minyak masak botol mula turun

Harga jualan minyak masak botol mula turun

Penyusutan kepada RM39 sebotol 5kg kesan CPO semasa lebih rendah

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Minyak masak botol lima kilogram (kg) mula dijual pada peringkat peruncit pada harga RM39 berbanding RM45 bulan lalu iaitu pengurangan sebanyak 13 peratus.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata harga jualan itu di temui ketika sesi turun pada ke premis pemborong di Sibu, Sarawak, semalam.

Katanya, pengurangan harga sebanyak 13 peratus itu adalah sebagai permulaan, memandangkan unjuran pasaran menunjukkan pola penyusutan harga berikutnya kesan minyak masak rendah (CPO) akan terus berlaku.

"Mengikut simulan Kemente-

rian Perdagangan Dalam Negeri Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sebelum ini, kadar CPO semasa (RM3,814.50) sepatutnya menyebabkan harga minyak masak botol lima kilogram dipersarakan di peringkat peruncit sekitar RM30.65.

"Bagaimanapun, kesan langsung daripada pola penurunan harga CPO dilihat berlaku amat perlahan," katanya dalam haritan di laman Facebook miliknya, semalam.

Alexander berkata, penyusutan harga itu ketika ini susulan penurunan harga minyak masak mentah di pasaran sehingga mencapai paras RM3,814 kelmarin.

Katanya, kali terakhir paras rendah sedemikian direkodkan adalah pada Julai 2021, manakala kadar tertinggi menjangkau RM8,076 yang dicatatkan pada Mac tahun ini.

"Sehubungan itu, Jawatankuasa Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi memberi penegasan kepada industri supaya sebarang penyusutan harga CPO wajar memberi kesan langsung kepada harga minyak masak botol di peringkat peruncit.

"Jangan ada pihak yang cuba

melengahkan perubahan harga mengikut CPO ini, dengan alasan kerana mahu menghabiskan stok bekalan lama," katanya.

Alexander berkata, berdasarkan libat urus bersama Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), beliau dimaklumkan bahawa usaha untuk menukar penetapan harga pembelian buah tandan segar (BTS) mengikut mingguan, berbanding bulanan ketika ini giat dijalankan.

Menerusi usaha itu, katanya, sebarang kesan langsung harga dapat dilihat dalam purata seminggu hingga seminggu setengah, berbanding dua hingga dua bulan setengah ketika ini.

"KPDNHEP akan terus mengadakan libat urus, selain menjalin kerjasama dengan pihak, kementerian dan agensi berkaitan demi memastikan hak pengguna terjaga serta mengimbangi kepentingan industry," katanya.

Rabu lalu, Alexander dilaporkan berkata, harga minyak masak botol dijangka turun dalam masa terdekat selari dengan pe-

nurunan harga minyak masak mentah dari RM7,000 per tan kepada RM3,600 per tan minggu ini.

Kerjasama tangani inflasi

Katanya, strategi dalam menangani inflasi dan kos sara hidup yang dilaksanakan dengan kerjasama erat bersama Pasukan Khas Jihad Menangani Inflasi juga telah menampakkan hasil terutama berkaitan isu ayam dan telur.

Sementara itu, bercakap selepas melawat sebuah gudang milik syarikat pemborong di Sibu, Alexander berkata, aduan bersifat umum berkaitan isu bekalan mahupun harga barang pengguna tidak membantu KPDNHEP dalam menentukan keabsahan sesuatu isu.

Justeru, beliau menggalaukan sebarang aduan berkaitan barang pengguna dengan berdasarkan fakta menerusi tujuh saluran yang disediakan bagi membolehkan tindakan dilakukan.

"Biarlah buat aduan berdasarkan fakta. Jangan suka-suka mengatakan ada masalah dan membuat laporan tanpa berfakta, (masalah) tidak berlaku atau (laporan dibuat) secara rambang. Itu tidak membantu dalam siasatan kami," katanya.



Alexander Nanta Linggi